

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah individu yang telah diisytiharkan muflis sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara; dan

(b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu individu muflis kesan daripada pandemik COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) berapa jumlah individu yang telah diisytiharkan muflis sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara

Jumlah kes kebangkrapan mengikut bilangan individu yang muflis serta pecahan mengikut negeri dari Mac 2020 hingga ke Julai 2021 adalah seperti di **Lampiran 1**. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak **10,317 kes**.

(b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu individu muflis kesan daripada pandemik COVID-19

Pada ketika ini, bagi membantu mengurangkan kadar kebangkrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah membuat pengubahsuaian melalui Bahagian VII - Pengubahsuaian Kepada Akta 360 di dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [*Akta 829*] yang telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuat kuasa pada 23 Oktober 2020. Pengubahsuaian yang dibuat ialah terhadap nilai had minima keberhutangan yang ditetapkan kepada RM100,000 dan akan berkuat kuasa sehingga 31 Ogos 2021.

Selanjutnya, Mdl juga turut meminda peruntukan perenggan 5(1)(a) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2020 [*Akta A1624*] yang telah diwartakan pada 22 Oktober 2020 dan berkuat kuasa sejak 1 September 2021. Pindaan ini juga adalah untuk menetapkan nilai had minima keberhutangan kepada RM100,000.

SOALAN NO : 13

Pindaan-pindaan tersebut adalah salah satu langkah kontigensi Kerajaan dalam menangani kesan-kesan akibat dari penularan COVID-19 dan PKP yang telah memberi impak besar kepada rakyat dari pelbagai aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Mdl dalam usaha berterusan untuk mengurangkan kadar kebangkrapan sentiasa memberi kesedaran kepada masyarakat tentang risiko atau kesan daripada perintah kebangkrapan. Kesedaran ini dapat diterap melalui pendidikan dan pendekatan perbelanjaan yang berhemah.

Mdl telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis dengan melaksanakan program bersama masyarakat (*outreach programme*) serta Mdl Prihatin. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu kebangkrapan kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah kebangkrapan supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Selain itu, Kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu kebangkrapan. Program ini juga melibatkan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra kebangkrapan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Melalui program ini akan dapat membantu masyarakat untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan perintah kebangkrapan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 13

LAMPIRAN 1

JUMLAH KES KEBANKRAPAN YANG DIDAFTARKAN PADA MAC 2020 - JUL 2021

CAWANGAN	TAHUN 2020										TAHUN 2021							JUMLAH
	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	
WILAYAH PERSEKUTUAN	39	0	0	68	84	117	183	108	4	56	20	51	128	103	109	91	127	1,288
SELANGOR	10	0	0	150	267	285	255	174	26	315	96	128	367	378	102	0	2	2,555
JOHOR BAHRU	57	0	7	36	44	0	69	117	62	37	19	40	27	125	97	3	52	792
PERAK	40	0	14	33	63	46	60	81	29	14	33	20	27	112	38	15	3	628
PULAU PINANG	10	0	32	33	21	21	71	35	63	28	32	6	26	44	62	0	4	488
KEDAH	24	0	5	26	47	52	2	61	54	10	30	22	51	38	16	5	34	477
MUAR	15	0	0	24	22	26	45	38	0	32	0	1	24	36	3	0	0	266
SABAH	42	0	6	74	88	87	85	11	0	28	50	52	39	35	25	1	0	623
KELANTAN	12	0	5	2	17	40	61	46	30	34	59	14	46	33	0	0	20	419
MELAKA	32	0	0	9	21	33	51	17	13	9	5	19	30	26	13	5	0	283
NEGERI SEMBILAN	47	0	28	22	26	3	96	48	28	1	9	4	20	57	69	0	23	481
TEMERLOH	9	0	9	16	17	22	27	32	19	20	7	4	20	14	5	0	0	221
PAHANG	21	0	0	19	25	18	11	29	22	9	11	18	35	16	0	0	0	234
SARAWAK	12	0	1	36	39	22	31	27	11	11	11	25	19	22	11	4	6	288
TERENGGANU	21	0	0	6	15	55	54	51	18	31	28	0	35	24	3	0	4	345
MIRI	14	0	5	20	25	13	23	23	13	17	10	10	17	8	8	4	2	212
SIBU	12	0	0	11	19	15	9	12	11	4	4	2	10	7	6	0	1	123
TAIPING	6	0	6	19	26	24	25	18	12	26	6	12	14	2	3	0	0	199
TAWAU	5	0	23	16	34	18	33	0	0	21	13	10	14	0	26	0	0	213
SANDAKAN	8	0	5	18	17	13	25	0	0	2	8	7	7	7	0	1	11	129
PERLIS	2	0	0	3	2	5	6	5	4	6	8	0	4	3	5	0	0	53
JUMLAH	438	0	146	641	919	915	1,222	933	419	711	459	445	960	1,090	601	129	289	10,317